

SIARAN AKHBAR

“BELANJAWAN 2023 : MEMBANGUN MALAYSIA MADANI” MAMPU LONJAK USAHA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL ISKANDAR MALAYSIA

Johor Bahru, 25 Februari – Belanjawan 2023 yang bertemakan “Membangun Malaysia MADANI” dilihat akan mampu melonjakkan usaha pembangunan sosial dan ekonomi wilayah ini terutamanya pasca pandemik COVID-19, terutamanya melalui beberapa cadangan dan inisiatif yang melibatkan Iskandar Malaysia secara langsung.

lanya merangkumi pelbagai inisiatif di dalam beberapa Ikhtiar Bajet 2023 yang disenaraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang juga merupakan Pengerusi Bersama Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) sewaktu pembentangan Belanjawan 2023. Antara yang utama adalah pewujudan zon khas kewangan dengan pakej imbuhan yang berdaya saing di Iskandar Malaysia, projek naik taraf Lebuhraya Utara Selatan dari Yong Peng Utara ke Senai Utara - Fasa 1, daripada empat kepada enam lorong dan pembinaan lorong memotong di Senai Desaru Expressway. Selain itu, Pas Perjalanan Tanpa Had myBAS50 turut dicadangkan untuk diperkenalkan kepada rakyat Johor Bahru secara rintis, dan penaiktarafan termasuk pembesaran Hospital Pontian, Johor.

“Cadangan yang secara langsungnya melibatkan kawasan Iskandar Malaysia ini menzahirkan keyakinan kerajaan terhadap kedudukan dan peranan yang mampu dimainkan oleh Iskandar Malaysia dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Ini akan memperkukuhkan lagi usaha wilayah ini untuk meningkatkan kemasukan pelaburan dan menyediakan ekosistem kehidupan dan perniagaan yang baik, terutama sekali dalam menangani cabaran pasca pandemic COVID-19,” kata Dato’ Dr Badrul Hisham bin Kassim, Ketua Eksekutif, IRDA.

Daripada segi pelaburan, cadangan kerajaan untuk mewujudkan zon kewangan di Iskandar Malaysia merupakan langkah strategik yang mampu menarik minat yang tinggi dalam kalangan pelabur dan pekerja berpengetahuan untuk bertapak di koridor ekonomi ini serta menambah nilai dan memberi kelebihan kepada wilayah ini sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan antarabangsa. Baru-baru ini Iskandar Malaysia telah melihat kemasukan pelabur seperti Insulet Corporation dari Amerika Syarikat dan SPC (Paris Baguette) dari Korea Selatan.

Pelanjutan galakan cukai kepada syarikat pengilangan industri Elektrikal & Elektronik yang memindahkan operasi ke Malaysia dan kadar cukai 15 peratus untuk C-Suite sehingga tahun 2024 pula dijangkakan akan memperkukuhkan lagi pelaburan dalam sektor ini yang merupakan salah satu daripada 9 sektor yang dipromosikan di Iskandar Malaysia. Begitu juga dengan pelanjutan insentif cukai pendapatan serta elaun cukai pelaburan sehingga 31 Disember 2025 dalam bidang aeroangkasa memandangkan sektor ini adalah sektor yang baru diperkenalkan di Iskandar Malaysia.

Insentif-insentif dan usaha ini akan disokong oleh Invest Malaysia Council dan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan untuk mempercepatkan kelulusan projek-projek pelaburan berpotensi tinggi.

Selain daripada itu, cadangan kerajaan untuk melanjutkan tempoh insentif Green Investment Tax Allowance (GITA) dan Green Income Tax Exemption (GITE) hingga 31 Disember 2025 dengan pemanjangan tempoh galakan dari tiga kepada lima tahun juga dapat merangsang minat para pelabur di Iskandar Malaysia yang memang terkenal sebagai peneraju agenda rendah karbon.

Menurut Dato' Dr Badrul Hisham, langkah-langkah ini akan memberikan keyakinan kepada pelabur sedia ada serta bakal pelabur yang masih mengintai peluang melabur lebih meluas di sini.

Projek naik taraf Lebuhraya Utara Selatan dari Yong Peng Utara ke Senai Utara - Fasa 1, Johor, daripada empat kepada enam lorong, pengenalan Pas Perjalanan Tanpa Had myBAS50 di Johor Bahru secara rintis dan penaiktarafan Hospital Pontian adalah kemudahan yang sememangnya dilaksanakan untuk dimanfaatkan oleh rakyat sepenuhnya dan akan menyumbang kepada penyediaan ekosistem kehidupan yang berkualiti terutamanya untuk mereka yang menetap di Iskandar Malaysia.

“Pengenalan Pas Perjalanan Tanpa Had myBAS50 bagi yang menggunakan perkhidmatan Bas Henti-Henti (MyBas) mampu mengurangkan kos pengangkutan rakyat Johor dengan ketara dan akan menggalakkan penggunaan kenderaan awam. Ini senada dengan usaha yang sedang diambil IRDA bagi menyediakan pengangkutan awam yang lebih baik dan mesra alam menerusi projek Iskandar Rapid Transit (IRT) yang juga telah diberikan peruntukan dan akan memulakan fasa pembinaannya pada suku kedua tahun ini,” tambah Dato' Dr Badrul Hisham. Pertumbuhan ekonomi Iskandar Malaysia turut akan disokong oleh peningkatan mobiliti di antara Malaysia dan Singapura melalui Projek Sistem Transit Rapid (RTS) Link dan juga Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-JB yang bakal memudahkan pergerakan antara bandar.

Beliau turut menambah bahawa keputusan untuk menaik taraf Lebuhraya Utara Selatan di antara Yong Peng Utara dan Senai Utara itu tepat pada masanya dan peruntukan RM525 juta bagi penambahan dari empat kepada enam lorong itu dapat menjamin keselesaan dan menjamin keselamatan para pengguna lebuhraya tersebut yang kini mengalami peningkatan pengguna yang amat ketara sejak lebih sedekad.

Pelaksanaan penambahbaikan kemudahan jaringan lebuhraya ke Pengerang melalui pembinaan lorong memotong di Senai Desaru Expressway pula membuktikan bahawa Iskandar Malaysia telah berjaya membawa limpahan manfaat kepada kawasan-kawasan di sekelilingnya sama seperti Jambatan Sungai Pulai yang menghubungkan Gelang Patah dan Tanjung Bin, Pontian, dan telah dibuka baru-baru ini.

Dato' Dr Badrul Hisham Kassim melihat Belanjawan 2023 sebagai pemangkin ekonomi negara yang lebih mampan khususnya dalam iklim ekonomi yang sedang memulih serta suasana geo politik dunia yang tidak menentu dan langkah-langkah yang diumumkan dalam belanjawan itu juga dilihat dapat meminimumkan kesan peningkatan kos sara hidup rakyat terutamanya yang membabitkan kawalan harga barang dan perkhidmatan.

- tamat -

Latarbelakang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Malaysia yang ditugaskan dengan objektif untuk mengawal selia dan memacu pemegang-pemegang taruh daripada sektor awam dan swasta dalam mencapai visi membangunkan Iskandar Malaysia menjadi sebuah metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mampan.

Kuasa dan fungsi utama IRDA dalam mencapai objektif di atas ialah merancang, memudahcara dan mempromosi.

Hubungan Media

Norkamarulazman Nordin
Komunikasi Strategik
E: norkamarulazman@irda.com.my
M: 019 7722 041